



**KENYATAAN AKHBAR DAN MEDIA
MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN SEMPENA BULAN RAMADHAN
BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA TAHUN 1442H/ 2021M**

Bandar Seri Begawan, Hari Selasa, 27 April 2021

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Kampung Sungai Akar bagi menandakan berakhirnya Majlis Tadarus sempena bulan Ramadhan bagi tahun 1442 Hijrah/ 2021 Masehi.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Imam Masjid, Yang Mulia Imam Haji Julazni bin Haji Zaini, Imam Tingkat 1. Seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam dan diikuti dengan bacaan surah-surah lazim beramai-ramai. Majlis diteruskan dengan bacaan takhtim serta Doa Khatam Al-Quran. Majlis disudahi dengan acara berbuka puasa dan solat fardu Maghrib berjemaah.

Majlis tersebut dikelolakan bersama oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Aktiviti bertadarus serta Majlis Khatam Al-Quran ini adalah merupakan salah satu daripada aktiviti tahunan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang diadakan pada setiap tahun dalam bulan Ramadhan bertujuan bagi mengeratkan silaturrahim di antara para pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

/TAMAT

Tarikh: 27 April 2021

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam